

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

KKM, JPA bincang serap dokter kontrak ke jawatan tetap tidak berpencen

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menyerapkan petugas perubatan berstatus kontrak ke dalam sistem perjawatan tetap tanpa diberikan pencen.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata ia bagi menangani bebanan tugas yang melebihi kapasiti sumber sedia ada serta untuk mengurangkan beban skim berpencen ditanggung negara ketika ini yang mencecah RM29.1 bilion pada 2021.

"Kita sedar beban kerajaan berdepan dengan skim berpencen iaitu pada 2011 nilainya adalah sebanyak RM3.1 bilion dan kemudian meningkat kepada RM29.1 bilion pada 2021, ini adalah beban yang sangat tinggi dan mungkin terus meningkat.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Buntal ada toksin berbahaya tak dibenar jual

Kuala Lumpur: Sebanyak 58 kes keracunan ikan buntal termasuk membabitkan 18 kematian, dilaporkan di negara ini, sejak 1985 hingga Mac tahun ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata larangan penjualan ikan buntal di negara ini, sudah ditetapkan dengan jelas mengikut Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1972.

Selain itu katanya, Seksyen 13 Akta Makanan 1983 turut menerangkan dengan jelas mengenai larangan penjualan makanan yang mengandungi atau di atasnya bahan beracun, berbahaya atau sebaliknya memudaratkan kesihatan.

"Oleh itu, ikan buntal yang mengandungi toksin berbahaya tidak dibenarkan dijual," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (FSQD), Kementerian Kesihatan (KKM) sudah menghasilkan bahan pendidikan sebagai langkah meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung toksin berbahaya dalam ikan buntal.

"Malah, tinjauan yang dijalankan oleh FSQD KKM pada 2019 menunjukkan 86 peratus daripada responden yang terdiri daripada orang awam, penjual ikan, nelayan dan tukang masak mempunyai pengetahuan yang



Hidangan ikan buntal beracun yang menyebabkan seorang warga emas maut, manakala suaminya dirawat di ICU.

mencukupi mengenai bahaya pengambilan ikan buntal," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan seorang wanita maut, manakala suaminya kini dirawat dalam unit rawatan rapi (ICU) Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom (HEBHK) selepas makan hidangan ikan buntal.

Ikan buntal iaitu sejenis ikan yang juga disebut 'ikan fugu' tergolong dalam satu daripada jenis racun semula jadi yang paling bahaya dan mematikan di dunia, dibeli dari pembekal di Batu Pahat yang mendapatkan bekalan dari nelayan di Endau.

Racun yang dikenali sebagai

Tetrodotoksin yang terdapat di dalam ikan buntal adalah racun yang boleh menyerang sistem saraf dan sangat berbahaya. Racun ini didakwa lebih mematikan dibandingkan racun sianida (cyanide).

Memakan sekitar 1-2 miligram racun tetrodotoksin sahaja boleh menyebabkan risiko kematian.

Johor tak sekat penjualan

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip, berkata Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tidak menyekat

“Peniaga perlu berwaspada dengan makanan dijual, termasuk ikan. Menjadi satu kesalahan jika terbukti mereka menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada di dalam atau padanya bahan beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan”

Zahari Sarip,
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor



kat penjualan ikan buntal di Johor.

Beliau berkata, selain menjadi menu makanan berasaskan ikan, buntal juga dijadikan ikan hiasan marin.

Katanya, peraturan berkaitan aktiviti pemasaran ikan juga tidak menyatakan secara spesifik bahawa ikan buntal dilarang untuk dijual.

Berkaitan larangan urus niaga ikan yang tidak selamat pula, beliau berkata, ia tidak membenarkan sebarang urus niaga, memproses, mengeksport atau mengimport ikan yang tidak selamat dimakan oleh manusia tanpa kebenaran.

"Namun, peniaga perlu berwaspada dengan makanan yang dijual, termasuk ikan.

"Menjadi satu kesalahan jika terbukti mereka menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada di dalam atau padanya bahan beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan.

"Apabila disabitkan dengan kesalahan, individu itu boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih lima tahun atau denda atau kedua-duanya mengikut Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan Peraturan: Bahagian III Kesalahan dan Keterangan - Seksyen 13 (1).

"Pengguna juga dinasihatkan agar lebih berhati-hati dalam menyediakan makanan berasaskan ikan atau ketika menikmati juadah berasaskan ikan di restoran atau kedai makan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL



Projek rintis kurangkan kesesakan di hospital

Dari muka 1

"Jadi kita memikirkan jalan keluarnya adalah dengan mengusulkan untuk mengambil pekerja kontrak secara tetap tetapi tanpa pencen, namun mereka ini boleh mendapat manfaat yang sama seperti pekerja tetap yang lain antaranya boleh membuat pinjaman perumahan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Jefridin Atan yang ingin tahu sama ada KKM mempertimbangkan untuk menambah jawatan doktor kontrak bagi mengatasi masalah bebanan kerja petugas kesihatan.

Menurut pекeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, penjawat awam yang dilantik mulai 12 April 1991 berhak untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum disahkan dalam jawatannya.

Peningkatan bilangan pesakit

Apabila seseorang anggota telah memilih Skim KWSP, faedah persaraan yang diperuntukkan dalam Akta Pencen 1980 dan Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 atau mana yang berkenaan, tidak terpakai ke atas penjawat awam terbabit. Pekeliling PPSM berkenaan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata ekoran peningkatan kes penyakit tidak berjangkit (NCD), KKM menghadapi

peningkatan bilangan pesakit dalam dan luar di fasiliti kesihatan, terutama di hospital melebihi kapasiti sumber sedia ada sekali gus menyebabkan kesesakan di hospital.

"Untuk mengurangkan kesesakan di hospital, kita telah melaksanakan projek rintis diketuai Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) yang juga ditubuhkan di bawah penyeliaan Ketua Setiausaha Negara.

"KKM juga membudayakan usaha pendigitalan untuk kurangkan beban kerja anggota KKM selain melaksanakan amalan penjadualan yang boleh membantu memastikan anggota mempunyai masa rehat mencukupi antara syif, termasuk dalam memberikan cuti kepada petugas kesihatan," katanya.

BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

40% alami komplikasi tulang, sendi

Georgetown: Kurangnya perhatian terhadap kesihatan tulang dan sendi dalam kalangan rakyat Malaysia menyebabkan kira-kira 40 peratus daripada mereka mengalami komplikasi tulang dan sendi.

Pakar Bedah Ortopedik dan Traumatologi Hospital Pantai Pulau Pinang Dr Boon Huck Wee berkata orang ramai lebih mengambil berat tentang kolesterol dan diabetes berbanding penilaian tulang (osteoporosis) dan sendi (ar-

tritis)

"Semakin ramai wanita cenderung mengalami artritis apabila mencecah usia 50 tahun dan ke atas iaitu selepas mereka menopause. Kira-kira 80 peratus wanita dan 20 peratus lelaki pula mengalami kedua-dua masalah osteoporosis dan artritis.

"Simptom paling biasa ialah sakit tulang belakang, cakera dan pinggul, serta patah," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar kempen #Movement-

Matters di sini, kelmarin.

Beliau berkata berdasarkan laporan *International Association for the Study of Pain* (IASP), hampir 2.5 juta rakyat Malaysia mengalami sakit belakang akibat gaya hidup kerja dari rumah yang tidak aktif susulan pandemik.

Dr Boon berkata berat badan dan usia antara faktor penyumbang kepada masalah tulang dan sendi.

Dalam usaha menghindari masalah itu, beliau berkata gaya hidup sihat se-

perti pemakanan sihat dan aktiviti fizikal seperti berenang, berbasikal, berjalan pagi perlu dikekalkan.

"Orang ramai perlu bersenam sekurang-kurangnya 20 minit sekali atau dua kali seminggu...lebih bagus jika mereka boleh melakukannya setiap hari.

"Sebenarnya, mereka boleh mula mengesan rasa sakit seawal usia 40 tahun...jadi pada usia 50 tahun ke atas adalah usia paling sesuai untuk menjalani pemeriksaan tulang dan sendi," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

BAHANA MAKAN IKAN BUNTAL

18 orang terkorban sejak 1985

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Keracunan akibat memakan ikan buntal meragut 18 nyawa membabitkan 58 kes yang dilaporkan sejak 1985 hingga Mac ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, larangan penjualan ikan buntal sudah ditetapkan dengan jelas di bawah Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1972.

Katanya, selain itu Seksyen 13 Akta Makanan 1983 turut menerangkan dengan jelas mengenai larangan

penjualan makanan yang mengandungi atau di atasnya bahan beracun, berbahaya atau sebaliknya memudaratkan kesihatan.

"Oleh itu, ikan buntal yang mengandungi toksin berbahaya tidak dibenarkan dijual," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (FSQD), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah menghasilkan bahan pendidikan sebagai langkah meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung toksin berbahaya dalam ikan buntal.

Sehubungan itu, katanya, KKM akan terus mendidik orang ramai tentang kese-

lamatan makanan termasuk bahaya memakan ikan buntal.

"Malah, tinjauan FSQD KKM pada 2019 menunjukkan 86 peratus daripada responden terdiri daripada orang awam, penjual ikan, nelayan dan tukang masak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang bahaya pengambilan ikan buntal," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan seorang wanita maut manakala suaminya dimasukkan ke Unit Rawapan Rapi

(ICU) Hospital Enche' Besar

Hajjah Kalsom (HEBHK)

selepas makan hidangan ikan buntal.

Ikan buntal iaitu sejenis ikan yang juga disebut 'ikan fugu' tergolong dalam satu daripada jenis racun semula jadi yang paling bahaya dan mematikan di dunia, dibeli menerusi laman Facebook dari seorang pembekal di Batu Pahat yang mendapatkan bekalan dari nelayan di Endau.

Racun yang dikenali sebagai Tetrodotoksin yang terdapat di dalam ikan buntal adalah racun yang

boleh menyerang sistem saraf dan sangat

mematikan. Racun

ini didakwa lebih mematikan dibandingkan racun sianida (cyanide).

Memakan sekitar 1-2 miligram racun tetrodotoksin sahaja sudah dapat membuat nyawa melayang.

Proses membersihkan ikan buntal perlu berhati-hati kerana racun jenis tetrodotoksin tersimpan di dalam hati, kelenjar kelenjar, kulit dan usus ikan buntal.

Organ ikan harus dibuang secara berhati-hati dengan teknik khusus agar dagingnya dicemari racun.

Selalunya ikan buntal selamat dimakan jika dihidangkan oleh cef yang pakar menyediakannya.

Racun tetrodotoksin tidak

akan hilang walau ikan buntal dimasak atau dibekukan.

Jika tidak diproses dengan betul maka racun dari organ tubuh ikan buntal boleh menyebar dan terserap ke dalam dagingnya.

Pada Jun 2021, empat maut di Desa Hoder di Sika, Nusa Tenggara Timur kerana memakan ikan buntal beracun manakala 13 lagi orang dikejarkan ke hospital selepas mengalami sakit perut yang serius.

Ketua Kampung Desa Hoder, Martina memaklumkan selepas makan ikan buntal yang dijadikan hidangan sebuah majlis keraian tempatan di kampung berkenaan, penduduk berasa pening kepala.

Racun ikan buntal tidak akan hilang selepas dimasak atau dibekukan

Kos tinggi laksana EMR seluruh negara

Kuala Lumpur: Kos perbelanjaan yang tinggi merupakan cabaran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam melaksanakan sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) di setiap hospital di seluruh negara.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, pelaksanaan sistem itu memerlukan belanjawan yang tinggi dengan mungkin mencecah bilion ringgit kerana perlu menaik taraf infrastruktur hospital serta kesesuaian bangunan juga diambil kira.

"Peralatan yang sedia ada juga lama, jadi kita perlu menaik tarafnya sama ada membaik pulih atau menggantikan yang baharu. Perkara ini turut menyumbang keperluan bajet yang tinggi selain kos sistem itu sendiri.

"Bagi pelaksanaan yang tuntas mengenai perkara ini, kita memerlukan kerjasama daripada Kementerian Kewangan," katanya di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Tan Hong Pin (PH-Bakri) yang ingin tahu jangkaan sistem EMR boleh berintegrasi sepenuhnya serta kekangan dihadapi KKM dalam melaksanakannya kerana dilihat setiap hospital masih bekerja silo berhubung rekod perubatan pesakit.

Sementara itu, Dr Zaliha



DR Zaliha

berkata sehingga kini, sebanyak 103 Klinik Kesihatan dilengkapi dengan sistem Teleprimary Care-Oral Health Clinical Information System (TPC-OHCIS) dan 42 Klinik Kesihatan di Negeri Sembilan akan dilengkapi sistem sama melalui projek EMR Kebangsaan.

"Terdapat 1,027 Klinik Kesihatan yang menggunakan sistem janji temu dalam talian melalui aplikasi MySejahtera, manakala 370 Klinik Kesihatan menawarkan perkhidmatan klinik maya kepada pelanggan mereka.

"Perancangan seterusnya adalah untuk memperluas semua sistem berkaitan secara lebih menyeluruh bagi mencapai objektif sistem maklumat kesihatan bersepadu," katanya menjawab soalan asal Tan mengenai status terkini dalam pelaksanaan sistem EMR di hospital dan klinik di seluruh negara.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

JKNP keluar 34 notis, kompaun RM3,500

Pekan: Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) mengeluarkan 34 notis dengan nilai kompaun RM3,500 kepada peniaga dan pengendali makanan di bazar Ramadan di negeri ini atas pelbagai kesalahan di bawah Seksyen 32B Akta Makanan 1983.

Pengarah Kesihatan Negeri Datuk Dr Nor Azmi Yunus berkata, notis itu dikeluarkan hasil pemeriksaan ke atas 892 gerai bazar Ramadan sejak Khamis lalu membatkan kesalahan antaranya tiada suntikan vaksin tifoid, tidak memakai topi, apron dan kasut, selain memakai perhiasan seperti jam tangan, gelang, cincin serta berku-ku panjang.

"Sepanjang pemeriksaan itu juga kami mengambil 30 sampel makanan bagi dianalisis, namun keputusan ke atas sampel itu masih belum diterima," katanya selepas merasmikan Pelancaran *Walkabout* Kempen Keselamatan Makanan Bazar Ramadan di sini, semalam.

Beliau berkata, terdapat 75 lokaliti bazar Ramadan dengan 3,799 premis makanan di seluruh Pahang dan pemeriksaan secara rawak akan dilaksanakan oleh lebih 100 penguat kuasa kesihatan negeri ini.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NEGARA



PENJUALAN ikan buntal adalah dilarang kerana mempunyai bahan beracun yang boleh memudaratkan kesihatan.

18 mati akibat makan ikan buntal sejak 1985

PETALING JAYA – Sebanyak 58 kes keracunan ikan buntal dilaporkan melibatkan 18 kematian sejak 1985 hingga Mac 2023 berdasarkan data Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1972 telah menerangkan dengan jelas tentang larangan penjualan ikan buntal.

"Di samping itu, Seksyen 13 Akta Makanan 1983 telah meherangkan dengan jelas larangan dalam penjualan makanan yang mengandungi bahan beracun, berbahaya atau memudaratkan kesihatan.

"Oleh itu, ikan buntal yang mengandungi toksin berbahaya tidak dibenarkan dijual," katanya dalam kenyataan semalam.

Noor Hisham menjelaskan, Bahagian Keselamatan dan

Kualiti Makanan (FSQD), KKM telah menghasilkan bahan pendidikan sebagai langkah meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung toksin berbahaya dalam ikan buntal.

"KKM akan terus mendidik orang ramai tentang keselamatan makanan termasuk bahaya memakan ikan buntal.

"Tinjauan oleh FSQD, KKM pada tahun 2019 menunjukkan 86 peratus responden yang terdiri daripada orang awam, penjual ikan, nelayan dan tukang masak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang bahaya pengambilan ikan buntal," katanya.

Sebelum ini Kosmo! melaporkan seorang wanita warga emas maut, manakala suaminya masih dirawat di unit rawatan rapi di Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom Kluang, Johor, selepas keracunan makanan akibat makan ikan buntal.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NEGARA

Dilarang digunakan dalam pembungkusan makanan

Ramai guna dawai kokot sebab nak cepat

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI

KUANTAN – Walaupun penggunaan dawai kokot dalam pembungkusan makanan sudah dilarang kerana boleh memudaratkan kesihatan, namun ia tetap digunakan secara meluas di bazar Ramadan di negeri ini.

Berdasarkan tinjauan *Kosmo!* di beberapa bazar Ramadan di daerah ini mendapati, hampir kesemua peniaga menggunakan dawai kokot untuk membungkus makanan kerana ia dikatakan lebih mudah dan cepat.

Namun penggunaan kaedah berkenaan dilihat membimbangkan pengguna yang risau risiko tertelan dawai berkenaan khususnya dalam kalangan kanak-kanak.

Seorang pengguna, Azrul Riduan, 37, berkata, penggunaan dawai kokot yang berleluasa menyebabkan dia bimbang risiko tertelan dawai berkenaan terutama kanak-kanak.

"Saya memang risau tetapi saya tiada pilihan kerana hampir semua peniaga menggunakan kaedah itu. Jadi setiap kali membeli saya akan membuang dahulu semua dawai kokot pada bungkusan sebelum ia dibuka, risaukan anak-anak tertelan."

"Saya pelik kerana setahu sahaja ia dilarang digunakan, tetapi macam tiada penguatkuasaan yang melarangnya, mungkin apabila ada mangsa, barulah ia akan dikuatkuasakan," katanya.

Seorang lagi pengguna, Hafizal Mohamad, 45, berkata, dia mengakui pernah termakan kuih bersama dawai kokot, tetapi beri-



DAWAI kokot berbahaya jika termasuk dalam makanan.



CONTOH penggunaan dawai kokot dalam pembungkusan makanan.

nasib baik kerana tidak tertelan dawai berkenaan.

Justeru katanya, dia berharap pihak berkuasa dapat bertindak proaktif dengan melakukan pemeriksaan bagi melarang penggunaan kaedah berkenaan bagi mengelakkan sebarang tragedi.

"Janganlah apabila ada kejadian tertelan dawai kokot barulah hendak dilakukan penguatku-

saan dan pemantauan, jadi saya harap pihak berkuasa buatlah kerja dan kuat kuasa peraturan ditetapkan," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, penggunaan dawai kokot pada pembungkusan makanan boleh dikategorikan sebagai salah satu pencemaran makanan.

Katanya, peniaga makanan yang menggunakan stapler atau dawai kokot untuk membungkus makanan boleh dikenakan tindakan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (PPKM).

"Kalau kita lihat 'stapler' itu sendiri agak bahaya dan jika termasuk dalam makanan boleh membahayakan kepada individu terutama anak-anak kecil."

"Ini merupakan satu inovasi baharu yang tidak sepatutnya berlaku," tegasnya.



NOR AZIMI (dua dari kiri) meninjau sebuah gerai di Bazar Ramadan Taman Tasik Sultan Abu Bakar di Pekan semalam.

Kuku panjang antara kesalahan dikesan

PEKAN – Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah mengeluarkan 34 notis kepada peniaga bazar Ramadan yang didapati gagal mematuhi peraturan ditetapkan sepanjang minggu pertama Ramadan di negeri ini.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, dalam pemeriksaan terhadap 892 gerai makanan di bazar Ramadan itu, sebanyak 34 Notis Memerintah Kehadiran Ke Mahkamah Seksyen 32B Aka Makanan 1983 telah dikeluarkan kepada pengendali makanan dengan nilai RM3,500.

"Antara kesalahan yang dikesan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 Aka Makanan 1983 ialah 24 kesalahan di bawah Peraturan 32 iaitu pengendali makanan tidak memakai topi, apron dan kasut semasa mengendalikan makanan."

Selain itu, lima kesalahan

di bawah Peraturan 33 iaitu pengendali makanan gagal memastikan kuku sentiasa pendek dan memakai perhiasa diri ketika mengendalikan makanan.

"Sebanyak 30 sampel makanan telah diambil pada minggu pertama Ramadan dan telah dihantar ke Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Pahang bagi analisis mikrobiologi," katanya.

Beliau sebelum itu merasmikan Majlis Pelancaran 'Walkabout' Kempen Keselamatan Makanan di Bazar Ramadan Peringkat Negeri Pahang di Bazar Ramadan Taman Tasik Sultan Abu Bakar di sini semalam.

Menurut Nor Azimi, manamana individu yang melakukan kesalahan dan disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun atau denda sebanyak RM10,000 atau kedua-duanya di bawah seksyen yang sama.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

KKM bincang dengan JPA serap petugas kontrak ke jawatan tetap tanpa pencen

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan (KKM) sedang mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menyerap petugas perubatan berstatus kontrak ke dalam sistem perjawatan tetap tanpa diberikan pencen.



DR ZALIHA

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, ini bagi menangani bebanan tugas yang melebihi kapasiti sumber sedia ada serta untuk mengurangkan beban skim berpencen ditanggung negara ketika ini yang mencecah RM29.1 bilion pada 2021.

"Kita sedar beban kerajaan berdepan dengan skim berpencen iaitu pada 2011 nilainya adalah sebanyak RM3.1 bilion dan kemudiannya meningkat kepada RM29.1 bilion pada 2021, ini merupakan beban yang sangat tinggi dan mungkin

akan terus meningkat.

"Jadi kita memikirkan jalan keluarnya adalah dengan mengusulkan untuk mengambil pekerja kontrak secara tetap tetapi tanpa pencen, namun mereka ini boleh mendapat manfaat yang sama seperti pekerja tetap yang lain antaranya boleh membuat pinjaman perumahan," katanya ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Jefridin Atan** yang ingin tahu sama ada KKM mempertimbangkan untuk menambah jawatan doktor kontrak bagi mengatasi masalah bebanan kerja petugas kesihatan.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata, kos perbelanjaan yang tinggi merupakan cabaran KKM dalam melaksanakan sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) di setiap hospital di seluruh negara.

Katanya, pelaksanaan sistem itu memerlukan belanjawan yang tinggi dengan mungkin mencecah bilion ringgit kerana perlu menaik taraf infrastruktur hospital serta kesesuaian bangunan juga diambil kira.

"Peralatan yang sedia ada juga lama, jadi kita perlu menaik tarafnya sama ada membaik pulih atau menggantikan yang baharu. Perkara ini turut menyumbang keperluan bajet yang tinggi selain kos sistem itu sendiri.

"Bagi pelaksanaan yang tuntas mengenai perkara ini, kita memerlukan kerjasama daripada Kementerian Kewangan," katanya ketika menjawab soalan tambahan **Tan Hong Pin (PH-Bakri)** yang ingin tahu jangkaan sistem EMR boleh berintegrasi sepenuhnya serta kekangan dihadapi KKM dalam melaksanakannya kerana dilihat setiap hospital masih bekerja secara silo berhubung rekod perubatan pesakit.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

KKM tidak benar penjualan ikan buntal

Terdapat sebanyak 58 kes dilaporkan dan 18 kematian sejak tahun 1985

Oleh NILAM NUR ATIKAH OSHMAN SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak membenarkan penjualan ikan buntal untuk tujuan hidangan kerana mengandungi toksin berbahaya.

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, ini kerana sebanyak 58 kes keracunan ikan buntal telah dilaporkan membabitkan 18 kematian sejak 1985 hingga Mac tahun ini.

Ujarnya, Seksyen 13 A k t a Makanan 1983 turut menerangkan dengan jelas larangan dalam penjualan



DR NOOR HISHAM

mana-mana makanan yang mengandungi apa-apa bahan beracun, berbahaya termasuk memudaratkan kesihatan.

"Pindaan ini telah dihentikan memandangkan kawalan dalam penjualan ikan buntal kini ditetapkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Ikan

Malaysia 1972.

"Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (FSQD) KKM telah menghasilkan bahan pendidikan sebagai langkah meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung toksin berbahaya dalam ikan buntal.

"KKM akan terus mendidik orang ramai tentang keselamatan makanan termasuk bahaya memakan ikan buntal," katanya dalam kenyataan di Facebook.

Tambah Noor Hisham, tinjauan yang dijalankan oleh FSQD, KKM pada tahun 2019 me-

IKAN BUNTAL TETRAODONTIDAE

TETRODOTOXIN

Tetradotoksin adalah sejenis toksin yang sangat kuat dan berbahaya. Ia adalah sejenis toksin yang tidak beracun apabila dimakan, tetapi ia akan bertindak sebagai racun apabila masuk ke dalam aliran darah. Ia adalah sejenis toksin yang sangat tahan terhadap panas dan memasak. Ia adalah sejenis toksin yang sangat berbahaya dan boleh menyebabkan kematian.

Habitat: Ikan buntal adalah sejenis ikan yang tinggal di perairan tropika dan subtropika. Ia adalah sejenis ikan yang boleh kembung apabila digigit.

Spesies: Terdapat banyak spesies ikan buntal, termasuk Pufferfish, Porcupinefish, dan others.

Gejala: Gejala keracunan ikan buntal termasuk mual, muntah, diare, dan kelemahan. Ia boleh menyebabkan kematian dalam beberapa jam.

Tindakan: Jika anda mengalami gejala keracunan ikan buntal, segera hubungi doktor atau pergi ke hospital. Jangan cuba merawat sendiri.

Terdapat lebih 1,200 spesies ikan buntal di dunia.

Peringatan: Jangan makan ikan buntal. Ia adalah sangat berbahaya.

nunjukkan 86 peratus responden terdiri daripada orang awam, penjual ikan, nelayan dan tukang masak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang bahaya pengambilan ikan buntal.

Pada Selasa lalu, *Sinar Harian* melaporkan seorang wanita meninggal dunia manakala suaminya dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital

Enche' Besar Hajjah Kalsom (HEBHK) di Kuala Lumpur, selepas memakan hidangan ikan buntal, Sabtu lalu.

Exco Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon berkata, wanita berkenaan mengalami gejala sesak nafas dan menggigil pada jam 3 petang sebelum dikejarkan ke HEBHK oleh anaknya.

Laporan *Sinar Harian* mengenai kes ikan buntal.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 30

RUANGAN : NASIONAL

Kesedaran kesihatan masih rendah

Penyakit tulang, sendi kurang mendapat perhatian masyarakat umum

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI
GEORGETOWN

Kesedaran mengenai penyakit melibatkan tulang dan sendi dalam kalangan masyarakat masih rendah menyebabkan pesakit tidak menyedari lebih awal mengenai penyakit mereka itu.

Osteoarthritis adalah nama saintifik bagi penyakit yang menyebabkan kerosakan sendi manakala Osteomyelitis adalah penyakit berkaitan penyakit pada tulang.

Pakar Bedah Ortopedik dan Perubatan Sukan, Hospital Gleneagles, Pulau Pinang, Kol (R) Dr R Vejjayan



Vejjayan menerangkan mengenai kepentingan pemeriksaan berkala kepada peserta kempen.

berkata, sakit tulang dan sendi selalunya akan berlaku kepada mereka yang berusia lebih 50 tahun.

Menurutnya, bagi golongan wanita, tulang secara semula jadi akan menjadi lembut selepas mereka mengalami menopause

kerana pengeluaran kadar hormon akan berkurangan ketika itu.

Kata beliau, antara langkah awal yang boleh diambil bagi mengelakkan kecederaan pada tulang dan sendi adalah mengurangkan berat badan, ber-



Orang ramai sertai Kempen #MovementMatters pada Rabu.

senam, sentiasa aktif dan penjagaan otot yang betul.

Sementara itu, Pakar Bedah Ortopedik dan Traumatologi Hospital Pantai Pulau Pinang, Dr Boon Huck Wee berkata, masyarakat kini dilihat tidak mengambil berat tentang kesihatan tulang

dan sendi kerana tiada pendedahan mengenainya.

Oleh demikian, IHH Healthcare Malaysia dengan rangkaian 16 hospitalnya yang terdiri daripada Hospital Gleneagles, Hospital Pantai dan Pusat Perubatan Prince Court melancarkan Kempen #MovementMatters di seluruh negara untuk mempromosikan kesihatan tulang dan sendi yang lebih baik dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kata beliau, kempen tersebut juga bertujuan untuk memerangi keadaan ortopedik dalam kalangan rakyat Malaysia dengan mewujudkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan dan pemeriksaan tulang serta sendi.

Kempen #MovementMatters dilancarkan di tiga lokasi iaitu bermula di Kuala Lumpur bermula 15 hingga 19 Mac, di Johor dari 22 hingga 26 Mac dan Pulau Pinang iaitu dari 29 Mac hingga 1 April 2023.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : DALAM NEGERI



DOKTOR kontrak dijadual mengadakan sekali lagi mogok pada Isnin hingga Rabu ini bagi menuntut kerajaan menyelesaikan isu perjawatan mereka.

Sistem kesihatan lumpuh Isnin ini?

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
 aiman.asrol@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Penganjur kempen mogok doktor kontrak menasihatkan orang awam supaya tidak mengunjungi hospital awam dan klinik-klinik kesihatan pada Isnin hingga Rabu ini kerana mereka berkemungkinan terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan rawatan.

Mereka mendakwa, ini kerana lebih 8,000 doktor kontrak akan mengadakan protes dengan mengambil cuti perubatan atau kecederaan secara beramai-ramai.

"Ini sebagai protes untuk menentang sistem yang tidak adil dan gaji di paras rendah. Jadi, jangkaan masa untuk orang

awam menunggu mendapatkan rawatan dijangka mengambil masa lebih lama daripada biasa," katanya menerusi satu hantaran di Instagram akaun @mogokdoktormalaysia.

Tindakan tersebut dilihat akan melumpuhkan sistem kesihatan negara yang digunakan oleh kira-kira 80 peratus daripada sekitar 33.4 juta rakyat negara ini terutama golongan B40 yang jumlahnya mencecah 8.7 juta orang.

Ketidakpuasan hati dalam kalangan pekerja perubatan terutama doktor kontrak dilihat semakin keruh apabila tular sebuah surat yang memaparkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) enggan mempertimbangkan kadar bayaran bagi sistem

oncall sebanyak 50 peratus.

Sebelum ini JPA meminta Kementerian Kesihatan untuk meneliti semula keperluan dan kepentingan untuk meneruskan sistem tugas atas panggilan.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah yang menyifatkan kempen mogok doktor kontrak itu bukan jalan penyelesaian terbaik dan mungkin menyebabkan perkhidmatan kesihatan negara terjejas.

Beliau berkata, perkara tersebut perlu ditimbang dengan teliti kerana perkhidmatan kesihatan merupakan suatu perkhidmatan yang kritikal kerana ia melibatkan nyawa manusia dan kesejahteraan rakyat.

Tiga tahun selesai isu terlalu lama

PETALING JAYA: Tempoh tiga tahun adalah masa yang sangat lama untuk doktor kontrak menunggu penyelesaian status kerja mereka.

Wakil Hartal Doktor Kontrak (HDK) yang tidak mahu dikenali berkata, penyelesaian segera harus diambil memandangkan isu itu sudah berlaku lama dan tiada penyelesaian konkrit.

"Ramai doktor kontrak sudah meninggalkan perkhidmatan mereka menyebabkan sistem kesihatan negara amat terbeban dengan staf yang kurang dan pesakit yang semakin bertambah setiap hari.

"Kalau tidak diselesaikan segera dan terpaksa menunggu hingga tiga tahun bagi mendapatkan penyelesaian, sistem kesihatan negara mampu runtuh dan rakyat juga yang akan terkesan.

"Perkara ini sepatutnya boleh diselesaikan sekiranya kerajaan sedia ada benar-benar meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan mereka.

"Kerajaan Madani yang bertunjangkan kebajikan rakyat sudah pasti akan cuba menyelesaikan isu ini secepat dan sebaik mungkin untuk kepentingan bersama," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Kelmarin Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan isu doktor kontrak akan dapat diselesaikan dalam masa tiga tahun lagi.

Menurutnya, kerajaan mahu menyelesaikan isu pelantikan tetap 4,000 doktor kontrak seperti yang dituntut yang bermakna kerajaan memerlukan RM10 bilion setahun.

"Perkara itu tidak mungkin. Sebab itu, saya bagi jaminan, tahun ini 1,500 lantikan, tahun depan atau berikutnya, katakan dalam tempoh tiga tahun, kita boleh selesaikan masalah ini," kata Perdana Menteri.

AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN



AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

VAPE INDUSTRY

HEALTH, FINANCE MINISTRIES AT ODDS

Tax revenue, health at heart of disagreement over proposal to remove liquid nicotine from Poisons List

ALIZA SHAH
AND IYLA MARSYA ISKANDAR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Finance Ministry and Health Ministry are at odds over the proposal to remove liquid nicotine from the Poisons List.

The Finance Ministry is pushing for this to expedite the legalisation of nicotine-laced vape products, which would allow the government to tax such products and boost income amid flagging government revenue.

On the other hand, the Health Ministry is firmly behind its stand that the Control of Tobacco Products and Smoking Bill 2022, also known as the Generational Endgame (GEG) Bill, should be passed first before the vape industry is legalised to safeguard the young from nicotine addiction.

During the tabling of the 2023 Budget in February, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had voiced the government's support for the GEG Bill.

But Anwar, who is also finance minister, had noted that some RM2 billion in vape products had been sold despite being illegal.

